



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WILAYAH HIJAU, WILAYAH LESTARI DENGAN SEJUTA PENANAMAN POKOK DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN

Program penanaman pokok Wilayah Persekutuan dirangka berdasarkan kepada Kempen Penanaman 100 juta Pokok (2021-2025) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Januari 2021. Di peringkat Wilayah Persekutuan, penanaman pokok di bawah kempen penghijauan Malaysia ini dilaksanakan dengan bertemakan Wilayah Hijau Wilayah Lestari, melalui konsep pembangunan Hutan Bandar (Urban Forest) dan Pembungaan Bandar (Flowering City). Program ini akan dilaksanakan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dengan penanaman 1 juta pokok ditanam bagi tempoh 2021 sehingga 2025 yang melibatkan beberapa fasa. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menasaskan penanaman sebanyak 500,000 pokok, Perbadanan Putrajaya 400,000 pokok dan Perbadanan Labuan 100,000 pokok. Dengan penanaman 1 juta pokok akan dapat menghasilkan 117 tan oksigen setahun dan mengurangkan 22 tan karbon dioksida setahun.

Peringkat awal pelaksanaan, program ini akan memberi fokus kepada 7 buah tasik dan kolam yang berada di bahagian utara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melibatkan Taman Tasik Metropolitan Kepong, Tasik Intan Baiduri, Kolam 99 dan Kolam Seri Murni, Kolam Nanyang, Kolam Taman Wahyu, Kolam Takungan Banjir Batu dan Taman Tasik Metropolitan Batu. Penanaman pokok di kawasan ini adalah sebahagian daripada perancangan untuk menjadikan kawasan 7 tasik ini sebagai pusat rekreasi riadah pasif dan aktif. Sebagai permulaan, sebanyak 100 pokok ditanam di kawasan Kolam Takungan Banjir Batu. Antara spesies pokok berkayu yang ditanam adalah Pokok Bunga Sakura Malaysia (Tekoma), Putat Laut, Bintangor Laut (Penaga Laut), Golden Shower Tree, Kelat Jambu Laut, Semarak Api (Flame of the forest), Casia Biflora, Tembusu Padang, Pokok Merawan Siput Jantan, Penaga Lilin, Pokok Bunga Tanjung, Pokok Kasai dan berberapa spesies lain yang bersesuaian dengan landskap kawasan yang dikenalpasti.

Kementerian dan DBKL sedang mempertimbangkan untuk memanjangkan jajaran laluan basikal melibatkan kawasan sekitar 7 tasik sehingga ke Taman Eko Rimba Kuala Lumpur yang menjadikan jarak keseluruhan jajaran basikal berjumlah 62.5 kilometer bagi kegunaan orang ramai. Keseluruhan pembangunan dan penaiktarafan infrastruktur rekreasi serta pengindahan

di Kolam Takungan Banjir Batu adalah dibuat dengan kerjasama strategik bersama Yayasan Al-Bukhary secara berperingkat yang merupakan sebahagian daripada Inisiatif CSR mereka.

Program Penanaman Pokok di Wilayah Persekutuan ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab pihak kerajaan tetapi ianya adalah tanggungjawab kita bersama. Oleh itu orang ramai dan pihak swasta disarankan untuk bersama-sama terlibat di dalam kempen penghijauan ini sebagai usaha memelihara khazanah semula jadi kita yang tidak ternilai. Inisiatif Penghijauan Malaysia ini akan dapat memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan ini sentiasa mampan disamping mempertahankan kekayaan alam semula jadi negara bagi mencapai matlamat untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar rendah karbon (Low Carbon City) dan Bandar Hijau (Green City).

TAN SRI TPr HJ ANNUAR MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
4 April 2021